

# **LEARNINGCARE SEBAGAI SISTEM PENGURUSAN PEMBELAJARAN : AMALAN DAN TAHAP KEPUASAN PELAJAR KURSUS TEKNOLOGI PENDIDIKAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

*Zolkefli bin Bahador*  
Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan  
Universiti Utara Malaysia  
Email : [zolkefli@uum.edu.my](mailto:zolkefli@uum.edu.my)

## **ABSTRAK**

LearningCare merupakan satu Sistem Pengurusan Pembelajaran (Learning Management System) atau sistem pembelajaran elektronik (e-pembelajaran) yang berasaskan Internet dan diintegrasikan sepenuhnya dengan sistem akademik Universiti Utara Malaysia. Ia mula digunakan pada bulan November 2002. Sistem ini membolehkan tenaga akademik meletak bahan pengajaran untuk dicapai oleh pelajar di mana jua dan pada bila-bila masa (anywhere and anytime). Selain itu LearningCare juga membenarkan tenaga akademik berinteraksi dengan pelajar melalui forum dalam talian, menghebahkan pengumuman, menjalankan ujian atau kuiz secara dalam talian serta berupaya mengesan dan memantau penglibatan pelajar dalam menggunakan LearningCare. LearningCare dan proses pengajaran perlu diintegrasikan dengan sebaiknya untuk menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Kajian ini dijalankan untuk melihat amalan dan tahap kepuasan pelajar kursus Teknologi Pendidikan Universiti Utara Malaysia dalam menggunakan LearningCare bagi membantu proses pembelajaran mereka. Dapatan kajian menjelaskan, pelajar sangat berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan di dalam LearningCare dan ianya banyak membantu pelajar dalam proses pembelajaran mereka.

## **PENGENALAN**

Kebanyakan universiti sekarang telah memperkenalkan Sistem Pengurusan Pembelajaran (SPP) dalam proses pengajaran dan pembelajaran masing-masing. Ini adalah kerana kaedah pengajaran dan pembelajaran hari ini telah banyak berubah kepada penggunaan pembelajaran berasaskan Internet (*electronic learning*) sebagai kaedah untuk menyampaikan bahan pengajaran dan pembelajaran.

Sebelum Internet diguna secara lebih meluas dalam bidang pendidikan, pendidik menyampaikan bahan pengajaran dan pembelajaran menggunakan medium seperti telefon, TV kabel, pita video atau bahan bercetak kepada pelajar pendidikan jarak jauh (Hazri, 1998).

Pengenalan kursus yang kaedah pengajaran dan pembelajarannya yang berasaskan Internet oleh kebanyakan universiti adalah bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pelajar untuk mendapatkan bahan pembelajaran dan berkomunikasi dengan pensyarah. Selain daripada itu juga kaedah ini banyak dilaksanakan dalam proses pembelajaran jarak jauh yang mana Sistem Pengurusan Pembelajaran dapat memberi kemudahan kepada pelajar yang tidak dapat menghadiri kelas secara bersemuka kerana beberapa masalah.

Dalam kebanyakan kes, pelajar menyatakan bahawa kemudahan yang disediakan oleh pembelajaran berasaskan Internet dapat memberi peluang kepada mereka untuk meningkatkan kelayakan akademik atau kemahiran profesional yang akan membawa kepada perkembangan kerjaya yang lebih baik tanpa perlu meninggalkan kerja (Hazri, 1998).

## **SISTEM PENGURUSAN PEMBELAJARAN (SPP)**

Sistem Pengurusan Pembelajaran adalah merupakan satu pakej perisian yang dibangunkan dalam membantu mengurus dan menyampaikan bahan pengajaran kepada pelajar. Kebanyakan SPP adalah berasaskan web yang mana membenarkan pelajar mencapai bahan pengajaran pada bila-bila masa dan pada sebarang tempat (*anytime, anywhere*). (Wikipedia, n.d.)

## **LEARNINGCARE**

Usaha untuk memperkenalkan LearningCare ke dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas membayangkan satu usaha proaktif yang dilaksanakan oleh UUM untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Sehubungan dengan itu UUM telah memperkenalkan penggunaan LearningCare dalam proses pengajaran dan pembelajaran bermula pada 1 Ogos 2002 dengan melaksanakannya kepada beberapa kursus yang terpilih.

LearningCare merupakan satu SPP yang menyediakan beberapa kemudahan atau modul di dalamnya, antaranya ialah kemudahan untuk pensyarah menghebahkan pengumuman, memuat naikkan nota-nota kuliah dan dokumen berkaitan pengajaran dan pembelajaran, forum secara online, kuiz secara online dan lain-lain lagi.

Semua kemudahan atau modul yang terdapat di dalam LearningCare ini, adalah sebagai satu kaedah yang boleh digunakan oleh pelajar dalam mencapai bahan-bahan pengajaran, berinteraksi dengan pensyarah melalui forum di mana-mana sahaja menggunakan Internet.

Dengan hanya memperkenalkan LearningCare semata-mata tidak akan menjamin integrasi teknologi maklumat ke dalam pendidikan secara berkesan tanpa mengambilkira faktor kecenderungan pelajar untuk menggunakan teknologi. Ini merupakan salah satu faktor yang akan membawa kepada kegagalan dalam mencapai objektif pelaksanaan LearningCare.

Di samping itu kemantapan dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan LearningCare juga bergantung kepada keupayaan dan kebolehan yang ada pada pelajar untuk menggunakannya. Isu ini menjadi cabaran yang besar terhadap kadar penerimaan dan persiapan mental dalam penggunaan LearningCare dikalangan pelajar. Apakah mereka benar-benar sudah bersedia untuk menggunakan LearningCare sepenuhnya.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dijalankan menggunakan teknik kaji selidik. Kaji ini melibatkan 37 orang pelajar dari kursus Teknologi Pendidikan Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan, Universiti Utara Malaysia. Pelajar-pelajar ini adalah pelajar yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan.

Borang soal selidik yang digunakan mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian A yang akan mengumpul data demografi responden seperti jantina, semester pengajian, kemahiran penggunaan komputer dan lain-lain, Bahagian B yang akan mengumpul data tentang tahap kepuasan pelajar terhadap LearningCare dan Bahagian C yang akan mengumpul data tentang amalan penggunaan LearningCare oleh pelajar.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

### **Demografi**

Sejumlah 37 orang pelajar semester Kedua sesi 2005/06 kursus Teknologi Pendidikan dari Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan telah memberi maklum balas dalam kajian ini. Daripada

bilangan itu, seramai 30 orang atau 81.1 peratus adalah responden perempuan manakala selebihnya (18.9%) terdiri daripada responden lelaki.

Sementara itu, dapatan kajian ini menunjukkan seramai (40.5%) responden terdiri daripada pelajar pengkhususan major bidang teknologi maklumat. Ini diikuti dengan bidang pengkhususan perakaunan (32.4%), dan pengurusan perniagaan (27.1%).

Manakala bagi pengkhususan minor pula, keputusan kajian menunjukkan responden dari minor Matematik lebih ramai iaitu 59.5 peratus dan diikuti oleh Pendidikan Moral (24.3%), TESL (8.1%) serta Multimedia Interaktif (8.1%)

### **Amalan Penggunaan LearningCare**

Dibahagian ini responden diberi skala yang merangkumi empat tahap, iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju dan (4) sangat setuju. Skala ini digunakan untuk melihat amalan penggunaan LearningCare oleh responden sebagai SPP. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden meletakkan item Modul dokumen yang disediakan dalam LearningCare, item responden berpuas hati secara keseluruhan terhadap LearningCare sebagai satu alat pembelajaran secara online dan proses memuat turun bahan pembelajaran dari Modul tersebut dirangking yang utama dengan tahap persetujuan melebihi 85 peratus (97.3%, 91.4%, 86.5%). Ini diikuti dengan item responden tidak menghadapi masalah dalam melihat pengumuman yang dihantar oleh pensyarah di dalam Modul Announcements (min=3.19), item pensyarah menggalakan menggunakan LearningCare (min=3.14), item berpuas hati terhadap Modul Pengumuman (Announcements) yang terdapat dalam LearningCare (min=3.11) dan lain-lain item. Sementara itu item LearningCare merupakan alat yang sesuai digunakan untuk berkomunikasi dengan rakan sekelas berada dirangking yang paling rendah dengan peratus persetujuan sebanyak 45.9 peratus atau nilai min 2.54.

### **Kepuasan Responden terhadap penggunaan LearningCare**

Kepuasan responden terhadap penggunaan LearningCare sebagai SPP secara keseluruhannya menunjukkan responden berpuashati terhadap LearningCare. Kenyataan ini berdasarkan kepada ujian min yang diperolehi dimana menunjukkan nilai min keseluruhan yang diperolehi ialah 2.99.

Keputusan kajian ini juga menunjukkan responden banyak menggunakan modul Dokumen dan sangat berpuas hati dengan modul tersebut (min=3.43) dan item nota-nota yang di muat turun dijadikan sebagai paduan utama dalam menghadapi peperiksaan (min=3.28). Manakala lain-lain item menunjukkan responden kurang berpuas hati (kurang setuju). Ini berdasarkan kepada nilai min untuk kesemua item ini adalah di bawah nilai 3.00.

### **Perbezaan Antara Tahap Kepuasan Learningcare Mengikut Pengkhususan Pelajar**

Ujian Anova yang dijalankan untuk menguji sama ada wujud perbezaan atau tidak di antara tahap kepuasan penggunaan LearningCare mengikut pengkhususan major pelajar mendapati nilai sig. adalah 0.343 dan nilai ini adalah lebih tinggi dari nilai aras keertian yang dipilih, 0.05. Maka dengan itu, ini menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan antara tahap kepuasan penggunaan LearningCare mengikut pengkhususan major pelajar dalam menggunakan LearningCare. Kesimpulannya tahap kepuasan pelajar adalah sama sahaja bagi setiap kumpulan pengkhususan major pelajar.

### **Perbezaan Antara Amalan Penggunaan Learningcare Mengikut Pengkhususan Pelajar**

Untuk melihat perbezaan antara amalan penggunaan LearningCare mengikut pengkhususan major pelajar ujian Anova dijalankan. Keputusan ujian mendapati nilai sig. adalah 0.025. Nilai yang diperolehi ini adalah lebih rendah dari nilai aras keertian yang dipilih (0.05), maka dengan

ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan penggunaan mengikut pengkhususan major pelajar dalam menggunakan LearningCare. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut kumpulan pengkhususan mana yang menunjukkan perbezaan yang tinggi dengan kepuasan, ujian lanjutan Post Hock(SNK) dilakukan, keputusan tersebut menunjukkan amalan penggunaan pelajar adalah berbeza bagi setiap kumpulan pengkhususan major pelajar yang mana pelajar dari pengkhususan Teknologi Maklumat adalah lebih tinggi amalan penggunaan LearningCare berbanding dengan pelajar dari pengkhususan Perakaunan.

### **Hubungan antara Tahap Kepuasan dengan Amalan Penggunaan Learningcare**

Akhir sekali ujian Kolerasi dijalankan untuk melihat hubungan antara tahap kepuasan dengan amalan penggunaan LearningCare. Keputusan dari ujian tersebut mendapati nilai *pearson correlation* ialah 0.608 dan nilai signifikan 0.000, maka dengan itu kajian ini mengesahkan bahawa terdapat kolerasi atau hubungan antara tahap kepuasan dengan amalan penggunaan LearningCare. Kesimpulannya, tahap kepuasan yang tinggi akan mempengaruhi amalan penggunaan LearningCare oleh pelajar.

### **KESIMPULAN**

Dapatan Kajian menunjukkan bahawa tidak semua modul yang disediakan di dalam LearningCare digunakan oleh para pelajar. Modul yang paling kerap digunakan ialah modul dokumen manakala modul-modul lain kurang digunakan.

Kajian juga memaparkan bahawa pelajar berpuashati terhadap LearningCare sebagai alat SPP. Tahap kepuasan pelajar adalah sama sahaja bagi setiap kumpulan pengkhususan major pelajar dimana tidak ada perbezaan yang signifikan antara tahap kepuasan penggunaan LearningCare mengikut pengkhususan major pelajar dalam menggunakan LearningCare.

Manakala bagi amalan penggunaan pelajar terhadap LearningCare, menunjukkan adanya perbezaan bagi setiap kumpulan pengkhususan major pelajar yang mana pelajar dari pengkhususan Teknologi Maklumat adalah lebih tinggi amalan penggunaan LearningCare berbanding dengan pelajar dari pengkhususan Perakaunan. Ini adalah bersesuaian dengan kajian Burgess (2003) yang mendapati pelajar yang mempunyai kemahiran komputer yang tinggi menunjukkan minat yang tinggi dalam menggunakan WebCT yang juga merupakan salah satu SPP.

Disamping itu kajian juga mendapati wujudnya hubungan antara tahap kepuasan dengan amalan penggunaan LearningCare dimana tahap kepuasan yang tinggi akan mempengaruhi amalan penggunaan Learning Care oleh pelajar.

### **RUJUKAN**

Burgess, L. A. (2003). WebCT as an E-Learning tool: A study of technology students' perception. *Journal of Technology Education*, 15(1), 6-15.

Hazari, S. I. (1998). Evaluation and selection of web course management tools. Retrieved July 3, 2006, from <http://sunid.umd.edu/webct>.

Wikipedia, the free encyclopedia (n.d.). <http://en.wikipedia.org/wiki> Retrieved July 3, 2006, from